



ASIAN
BREAST
CANCER
PROJECT

Fakta-fakta yang perlu diketahui oleh Wanita Amerika Asia & Kepulauan Pasifik tentang risiko mereka

- Kanser merupakan punca utama kematian dalam kalangan wanita-wanita Amerika Syarikat dari keturunan Asia dan Kepulauan Pasific (A&PI).
- Kadar peningkatan kematian dari Kanser dalam kalangan warga Amerika (A&PI) adalah lebih tinggi daripada kumpulan etnik atau bangsa lain.
- Walaupun kadar kematian dari kanser payudara telah menurun bagi kumpulan etnik atau bangsa lain, ia semakin meningkat dalam kalangan wanita A&PI.
- Berbanding dengan yang lain, kanser payudara dalam kalangan wanita A&PI menunjukkan median umur yang lebih muda, dan serangan tumor yang lebih awal.
- Kadar kanser payudara dalam kalangan wanita AS A&PI adalah 60% lebih tinggi daripada kadar dalam kalangan wanita di negara-negara A&PI
- Pendatang wanita bangsa A&PI yang telah menetap in Amerika Syarikat lebih daripada 10 tahun berdepan dengan 80% lebih risiko untuk menghidap kanser payudara daripada pendatang wanita bangsa A&PI yang baru.
- Bertentang dengan anggapan bahawa wanita A&PI tidak akan menghidap kanser payudara, kadar insiden kanser payudara dalam kalangan wanita Asia Selatan yang menetap di Amerika Syarikat – bersama dengan wanita Jepun-Amerika dan Cina-America generasi tiga dan empat – adalah sama dengan kadar insiden dalam kalangan wanita kaukasia A.S.
- Wanita A&PU Amerika mempunyai kadar pemeriksaan kanser payudara yang rendah, dan ini meningkatkan risiko pengenalpastian penyakit lambat. Kajian menunjukkan bahawa wanita A&PI yang berumur 40 dan ke atas merupakan kumpulan bangsa/etnik dalam A.S yang paling kurang menjalankan mammogram tetap - angka ini lebih rendah bagi wanita pendatang berpendapatan rendah dan baru.

Untuk maklumat lanjut, atau untuk mendapatkan rujukan kepada pusat kesihatan yang menyediakan fasiliti kesihatan payudara dan pemeriksaan kanser payudara, sila hubungi **617-870-4056** atau e-mail **abch2h@gmail.com**.